

**AKUJANJI PEMOHON UNTUK PERMOHONAN PROGRAM RUMAH BINA  
NEGARA**

Saya \_\_\_\_\_

[No. K/P : \_\_\_\_\_ ] adalah seorang Warganegara Malaysia yang cukup umur dan sempurna akal dengan penuh kesedaran, rela hati tanpa sebarang tekanan, paksaan dan dorongan mengaku, berikrar dan nberjanji bahawa:-

1. Saya tertakluk kepada syarat-syarat dan keperluan yang dikenakan dalam permohonan untuk mendapatkan Rumah Bina Negara (RBN) daripada Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) dan saya percaya bahawa saya memenuhi syarat-syarat tersebut dan adalah calon yang layak untuk menerima RBN sekiranya permohonan saya diluluskan;

2. Saya bekerja sebagai \_\_\_\_\_ dengan pendapatan kasar sebulan RM\_\_\_\_\_ dan Pasangan saya bekerja sebagai \_\_\_\_\_ dengan pendapatan kasar sebulan RM\_\_\_\_\_. Maka Pendapatan seisi rumah bulanan kami adalah sebanyak RM\_\_\_\_\_ sebulan;

*[Pendapatan kasar seisi rumah yang dimaksudkan ialah pendapatan kasar pemohon dan pendapatan kasar pasangan pemohon]*

*[Pendapatan kasar pula bermaksud gaji pokok dan elaun-elaun tetap (jikaada) bagi pemohon yang mempunyai pendapatan tetap dan jumlah pendapatan yang disahkan bagi pemohon yang tidak mempunyai pendapatan tetap]*

Saya telah berkahwin/janda/duda\* dan telah mempunyai \_\_\_\_\_ orang anak/tanggung\* di bawahjagaansaya;

*(\* potong mana tidak berkenaan)*

*[Tanggung\* yang dimaksudkan adalah individu yang tinggal secara tetap bersama pemohon.]*

3. Saya/pasangan (suami/isteri) mengaku tidak memiliki rumah sendiri atau tidak memiliki rumah sempurna untuk didiami;

*[Rumah sempurna yang dimaksudkan ialah rumah yang terdiri daripada batu/kayu yang mempunyai tiga bilik dan mempunyai bilik air serta tandas]*

4. Tapak cadangan adalah sesuai untuk pembinaan RBN dan Surat Hak milik adalah bebas daripada sebarang bebanan/sekatan untuk di gadaikan kepada RISDA;

5. Saya / pasangan bukanlah seorang yang / yang akan bankrap atau masih belum dilepaskan dari perintah kebangkrapan yang dibuat oleh mana-mana mahkamah yang mempunyai bidang kuasa yang sedemikian sama ada tempatan atau sebaliknya dan tidak terdapat apa-apa prosiding undang-undang yang sedang / akan diambil terhadap saya;

6. Pihak RISDA pada bila-bila masa boleh membatalkan permohonan saya dan berhak untuk menuntut apa-apa ganti rugi dan kos yang berkaitan termasuk tetapi tidak terhad kepada meneruskan tindakan undang-undang terhadap saya sekiranya maklumat-maklumat deklarasi dan akuan yang saya berikan adalah tidak benar dan/atau palsu;
7. Pihak RISDA pada bila-bila masa boleh menuntut apa-apa ganti rugi dan kos berkaitan sekiranya saya menolak permohonan RBN setelah perjanjian di tandatangan oleh saya;  
*[Perjanjian yang dimaksudkan adalah Perjanjian Pembiayaan Pinjaman dan Perjanjian Pembinaan]*
8. Saya bertanggungjawab sepenuhnya untuk menunjukkan tapak cadangan yang sah seperti yang dicadangkan di dalam permohonan RBN dan dipersetujui oleh RISDA melalui surat tawaran / dokumen perjanjian bagi tujuan pembinaan Rumah BN.
9. Pihak RISDA pada bila-bila masa mempunyai hak untuk membuat sebarang perubahan terhadap syarat-syarat dan terma-terma yang berkaitan Program Rumah BN;  
*[Perubahan syarat-syarat dan terma-terma yang dimaksudkan adalah seperti klausa pada surat tawaran dan dokumen perjanjian, syarat-syarat kelayakan dan pinjaman RBN, perubahan dari segi jenis bangunan dan jumlah kontrak, caj pengurusan, jumlah dan tempoh pembiayaan pinjaman, insurans, sekuriti dan cagaran serta sebarang caj yang berkaitan atau apa-apa sahaja yang RISDA fikirkan suai manfaat]*
10. Saya bertanggungjawab sepenuhnya terhadap kenyataan di dalam surat akuan ini dan menanggung rugi segala kos/denda/penalti yang akan ditanggung dan akan dikeluarkan oleh RISDA akibat dari deklarasi, maklumat-maklumat dan akuan palsu yang telah saya berikan;
11. Keputusan terhadap permohonan saya adalah tertakluk kepada maklumat yang saya berikan di dalam surat akuan ini dan di dalam permohonan RBN.
12. Saya boleh dikenakan hukuman dan di denda di bawah Kanun Keseksaan sekiranya saya disabitkan bersalah membuat pengesahan, deklarasi, pengisytiharan, pernyataan, waad dan akuan palsu; dan
13. Saya dengan ini bersetuju, sedar dan faham dengan penuh kepercayaan bahawa segala yang disebut di atas adalah benar dan selaras dengan peruntukan Akta Akuan Bersumpah 1960.

Ditandatangani Oleh;

]  
]  
].....

Pada

Nama :  
No. K/P :

Di hadapan,

\_\_\_\_\_  
Pesuruhjaya Sumpah